

**COVID-19 : KESAN PENGUATKUASAAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KE ATAS SOSIO-EMOSI
MAHASISWA**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU**

**DR. ROSMAN MAHMOOD
PROF. MADYA TS. DR. MAZIDAH PUTEH
TS. DR. NURULNADWAN AZIZ**

DISEMBER 2020

PENGHARGAAN

Pertamanya kami menzahirkan kesyukuran kepada Allah swt kerana memberi kekuatan dalam menyiapkan kajian ini. Juga ucapan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu kerana memberi sokongan dan kelulusan geran penyelidikan. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua yang terlibat termasuklah mahasiswa serta kakitangan bahagian kolej yang membantu dalam kerja-kerja pengumpulan data kajian.

ABSTRAK

Wabak Covid-19 bermula di wilayah Wuhan China pada pertengahan Disember 2019 telah menjadi pandemik dan merebak ke seluruh dunia. Wabak tersebut bukan sahaja menyebabkan jumlah kematian yang besar tetapi juga telah memberi kesan ke atas sosio-ekonomi masyarakat dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada kesan penularan wabak tersebut. Sehingga kini lebih daripada tujuh ribu terkena jangkitan dengan 115 kematian. Bagi membendung penularan wabak tersebut, pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif menerusi beberapa fasa PKP bermula 18 Mac 2020. Tindakan ini dibuat bagi memutuskan rantaian wabak tersebut daripada terus merebak. Penguatkuasaan PKP melibatkan semua sektor termasuklah pendidikan. Semua sekolah dan institusi pengajian tinggi telah ditutup sepenuhnya. Di peringkat universiti terdapat ramai mahasiswa yang terkandas di kampus masing-masing dalam tempoh tersebut. Pihak kementerian telah memberi arahan agar semua mahasiswa yang terlibat diberikan kemudahan dan sokongan sebaik mungkin bagi memastikan penyelesaian mereka. Dalam situasi di luar daripada kebiasaan serta tertakluk kepada SOP yang ditetapkan, kehidupan mahasiswa dalam norma baharu dilihat akan memberi kesan ke atas sosio-emosi mereka. Penulisan ini berdasarkan hasil kajian ke atas 426 mahasiswa yang terkandas di kampus UiTM Cawangan Terengganu dalam tempoh penguatkuasaan PKP bagi menangani penularan wabak Covid-19. Secara relatifnya kajian mendapati sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP, golongan siswa lebih rasa terbeban dengan isu kebebasan bergerak. Manakala golongan siswi pula lebih tertekan dengan perasaan rindu dan kebimbangan pada keluarga. Secara keseluruhannya masalah kerinduan dan kebimbangan kepada keluarga merupakan beban utama yang terpaksa mereka tempuhi pada masa penguatkuasaan PKP di samping masalah terhakisnya keyakinan diri dan kebebasan bergerak. Terdapat lima masalah yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bebanan masalah yang dihadapi mengikut jantina iaitu tekanan perasaan, kebosanan, rindu dan kebimbangan pada keluarga, capaian Internet dan memenuhi keperluan asas harian. Analisis perbandingan dari segi masalah yang dihadapi, golongan siswi menunjukkan tahap keseriusan yang lebih tinggi dalam sebelas masalah berbanding hanya satu masalah (kebebasan bergerak) bagi siswa. Berdasarkan nilai min keseluruhan bagi masalah bagi siswa (3.09) dan siswi (2.85) jelas menunjukkan tahap keceriaan (61.8 Peratus) dalam kalangan siswa adalah lebih tinggi berbanding (57.0 peratus) bagi siswi. Hal ini menjelaskan dalam tempoh penguatkuasaan PKP dalam kampus, kalangan siswi lebih rasa tertekan dari segi sosio-emosi mereka berbanding dengan golongan siswa.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pendaftaran Ahli kumpulan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Senarai Jadual	v
Kandungan	vi

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Soalan Penyelidikan	6
1.4	Objektif Penyelidikan	6
1.5	Kepentingan Penyelidikan	7
1.6	Skop dan Batasan Kajian	7
1.7	Susunan Laporan Kajian	8

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	10
2.2	Pentakrifan Stres	10
2.3	Huraian Teori Psikologi Stres	11
2.3.1	Teori Emosi James-Lange	11
2.3.2	Teori Cannon-Bard	13
2.3.3	Teori Schachter-Singer	14
2.4	Mahasiswa dan Masalah Sosio-emosi	16
2.4.1	Akademik dan Pembelajaran	18
2.4.2	Hubungan Interpersonal	19
2.4.3	Faktor Persekitaran	20
2.5	Rumusan	21

BAB 3: KAEDAH KAJIAN

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Pengumpulan Data	22
3.2.1	Populasi	22

3.2.2	Pensampelan	23
3.2.3	Instrumen Kajian	23
3.2.4	Pengkodan dan Pembersihan data	25
3.3	Analisis Data	25
3.3.1	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal selidik	25
3.3.2	Statistik Deskriptif dan Ujian-T	26
3.4	Kesimpulan	27

BAB 4 : ANALISIS PENEMUAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	28
4.2	Profil Responden	28
4.3	Kesedaran Mahasiswa Terhadap Pandemik Covid-19	30
4.4	Kemudahan dan Sokongan	32
4.5	Masalah Yang Dihadapi Dalam Tempoh PKP	33
4.6	Perbandingan Masalah Mengikut Jantina	36
4.7	Kesimpulan	38

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	39
5.2	Rumusan Penemuan Penting	39
5.3	Implikasi Kajian	40
5.3.1	Implikasi Kepada Mahasiswa	41
5.3.2	Implikasi Kepada Pengurusan Universiti	41
5.3.3	Implikasi Kepada Penyelidik	42
5.4	Cadangan	42
5.5	Kajian Masa Hadapan	45

LAMPIRAN